

MAHATHIR

1978

KUALA LUMPUR, 23 JULAI (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERHARAP PARA MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI MUDA YANG BARU DILANTIK AKAN DAPAT MENJALANKAN TUGAS YANG DI-AMANAHKAN KEPADA MEREKA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN MEREKA TIDAK DIHARAPKAN MENDAPAT KEJAYAAN 100 PERATUS, MEREKA HENDAKLAH LEBIH BAIK DARI PEMIMPIN SEBELUMNYA.

+KALAU MEREKA GAGAL, MEREKA AKAN MEMBANTUTKAN HARAPAN GOLONGAN MUDA. KEJAYAAN MEREKA ADALAH KEJAYAAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA YANG MENGKRITIK SEGALA USAHA-USAHA MEMBAIKI TARAF HIDUP RAKYAT SEBELUM INI, + KATANYA KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT AGUNG MAYC DI SINI.

BELIAU JUGA INGIN MELIHAT LEBIH RAMAI GOLONGAN MUDA BERMINAT UNTUK MEMAINKAN PERANAN DALAM POLITIK NEGARA KERANA TERDAPAT TUDUHAN BAHAWA YANG KENYATAKAN MEREKA ITU TIDAK DIBERI KESEMPATAN OLEH GOLONGAN TUA TERUTAMA DALAM PARTI YANG MEMERINTAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MENGGALAKKAN PERKEMBANGAN PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA SUPAYA IA BOLEH MERUPAKAN FORUM UNTUK MEMBINCANGKAN SEGALA MASALAH DAN MEMBERI PENDAPAT YANG MEMBINA.

— BERSAMBUNG 1035/SZ

12

B564

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, DI ZAMAN INI TERDAPAT GOLONGAN MUDA YANG TIDAK MAHU LANGSUNG MENERIMA SEGALA APA YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN DAN BERSIKAP ANTI-ESTABLISHMENT KERANA SIFAT IDEALISME MEREKA.

TEGASNYA, RAMAI GOLONGAN MUDA SEKARANG YANG BERPENDAPAT MEREKA BOLEH MEMAINKAN PERANAN LEBIH BAIK TETAPI KADANGKALA MEREKA SENDIRI TIDAK DAPAT MEMBINA DIRI SENDIRI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI JUGA BERHARAP LEBIH RAMAI PEMUDA BUKAN MELAYU MENCEBURKAN DIRI DALAM PERTUBUHAN-PERTUBUHAN BELIA YANG SEKARANG SANGAT BERKURANGAN SUPAYA

DENGAN JALAN ITU DAPAT MEMPERBAIKI LAGI HUBUNGAN ANTARA KAUM.

TAMBAHNYA DENGAN ITU JUGA, BELIA-BELIA DAPAT MEMAHAMI KEBUDAYAAN DAN LAIN-LAIN ARAHAN SESUATU KAUM DAN DALAM MASA YANG SAMA MEMAHAMI MASALAH Masing-Masing.

BELIAU BERHARAP MAYC DAPAT MENJALANKAN TUGAS ITU SUPAYA BELIA DARI SEMUA KAUM TERLIBAT DALAM GERAKAN BELIA UNTUK KEPENTINGAN MASA DEPAN NEGARA.

SEBELUM ITU, PRESIDEN MAYC ENCIK SANUSI JUNID BERKATA, PERTUBUHAN ITU AKAN TERUS BERUSAHA MEMAINKAN PERANAN DALAM MEMBERI SUMBANGAN YANG BERGUNA BAGI RAKYAT NEGARA INI.

BELIAU GEMBIRA KERANA RAMAI DIANTARA TOKOH-TOKOH MAYC TELAH DILANTIK MENJADI PEMIMPIN-PEMIMPIN NEGARA PADA MASA INI.

— BERNAMA 1310/SZ